



**PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU**

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 2 TAHUN 2020**

Semua Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan / Ketua Pusat Tanggungjawab  
Jabatan Kerajaan Negeri,  
**Terengganu.**

**TARIKH PEMBAYARAN GAJI BULAN MAC TAHUN 2020**

**1. TUJUAN**

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan tarikh pembayaran gaji bagi bulan Mac tahun 2020.

**2. TARIKH PEMBAYARAN GAJI**

Kerajaan Negeri telah bersetuju bahawa tarikh pembayaran gaji bulan Mac tahun 2020 dipinda daripada 25 Mac 2020 (Rabu) kepada **19 Mac 2020 (Khamis)**. Pelaksanaan peraturan pembayaran gaji tahun 2020 masih tertakluk kepada **Pekeliling Perbendaharaan Negeri Terengganu Bil. 5 Tahun 2019** rujukan **PERB.TR.U/16/01/01/4-(30)** bertarikh **10 Disember 2019**.

**3. TARIKH BERKUAT KUASA**

Surat pekeliling ini berkuatkuasa mulai pada tarikh surat ini dikeluarkan.

#### 4. PENUTUP

Semua jabatan/PTJ hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi bagi memastikan pembayaran gaji dapat dilaksanakan dengan sempurna mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



( DATO' HAJI ZAINAL ABIDIN BIN HUSSIN )  
Pegawai Kewangan Negeri  
Terengganu.

17 Mac 2020

s.k.

Bendahari Negeri  
Terengganu

Semua Badan Berkanun Negeri  
Terengganu

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Terengganu

Pengarah Audit Negeri  
Terengganu